



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEJAYAAN PENAMBAHBAIKAN TEMPOH KONTRAK BAGI PENGERUSI MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA, JAWATAN GRED UTAMA C (TERBUKA) SELAMA (2 + 2) TAHUN

Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) adalah sebuah tribunal yang merupakan badan tunggal berperanan untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan pembuangan kerja, perjanjian kolektif dan pertikaian perusahaan di antara majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja yang berkaitan. MPM telah ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].

Salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Sumber Manusia di bawah Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM) yang melibatkan MPM ialah **Reformasi Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh** dimana **fokus utama adalah:**

- a) Memendekkan Tempoh Masa Proses Pengadilan;
- b) Mengurangkan Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Mahkamah Buruh; dan
- c) Menambah Baik Fasiliti dan Kemudahan di Kedua-dua Mahkamah.

Sebagai permulaan, inisiatif mempercepatkan penyambungan semula lima (5) orang Pengerusi MPM yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang iaitu:

YA Tuan Amrik Singh a/p Harcharan Singh

YA Puan Esuary a/p Maree

YA Tuan Augustine a/l Anthony

YA Tuan Paramalingam a/l Doraisamy

YA Tuan Syed Noh bin Said Nazir @ Syed Nadzir

Penyambungan semula kontrak Pengerusi-Pengerusi ini diharapkan dapat mempercepatkan pengendalian kes-kes dan secara langsung akan meningkatkan penyelesaian kes-kes di MPM. Maklumat terkini yang diterima oleh Kementerian Sumber Manusia bahawa tempoh pelantikan secara kontrak Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan telah ditambah baik daripada yang asal selama dua (2) tahun kepada kontrak bertempoh 2 + 2 tahun. Ini merupakan sebagai salah satu kaedah untuk mengoptimumkan perkhidmatan Pengerusi-Pengerusi di samping memberi tempoh jaminan pekerjaan (*tenure security*) untuk melaksanakan tugas lebih efisien dan efektif.

Ini merupakan kejayaan pertama KSM di mana sebelum ini tempoh kontrak Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia adalah selama dua (2) tahun sahaja dan ini menjadi sejarah kejayaan di KSM di mana tempoh kini ditambah baik menjadi 2 + 2 tahun.

Kolokium Reformasi Perundangan dan Pengurusan Mahkamah Perusahaan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan diadakan pada 28 dan 29 Februari 2024 (Rabu dan Khamis) bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya ini merupakan sebuah forum mempertemukan pakar perhubungan perusahaan dan pemegang taruh MPM meliputi para professional dan ahli-ahli akademik, pengamal undang-undang, para majikan, kesatuan sekerja serta wakil-wakil dari sektor awam dan industri bagi membentangkan dan membincangkan topik-topik penting dan terkini dalam memperkukuhkan MPM.

MPM dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) akan bekerjasama untuk membuat kajian berkenaan dengan Pengurusan Kes-kes di Mahkamah Perusahaan Malaysia. Skop dan tujuan kajian ini memfokuskan kepada kes-kes yang diterima oleh MPM sehingga Disember 2023 serta mengenalpasti isu-isu berkaitan dengan pengurusan kes-kes yang dikendalikan dengan mengemukakan rekomendasi yang sesuai berkaitan dengan pengurusan kes-kes yang dikendalikan di Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Dari segi kemudahan dan infrastruktur, MPM bercadang untuk menaiktaraf Sistem Perekodan Digital (SPD) bagi mempercepatkan penyalinan transkrip dan berkeupayaan membuat Janaan Transkrip Segera.

Untuk makluman, Sistem Perekodan Digital (SPD) ialah sistem perekodan audio, video dan penghasilan digital nota transkrip dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang telah dibangunkan dan digunakan di MPM sejak tahun 2013. SPD ini telah ditambahbaik secara berfasa bermula:

Fasa 1 (2013 – 2015): melibatkan 8 Mahkamah di KL dan 4 di Mahkamah Cawangan (Johor, Perak, Sabah dan Sarawak)

Fasa 2 (2018 – 2020): melibatkan 8 Mahkamah di KL dan 4 unit SPD Mudah Alih (yang ditempatkan di MP Pulau Pinang (2 unit), MP Sarawak (1 unit) dan MP Kuala Lumpur (1 unit) yang berkeupayaan untuk membuat Persidangan Video.

Fasa 3 (2023-2024): menaik taraf SPD sedia untuk membuat auto tagging.

Terdapat keperluan yang mendesak untuk menubuhkan Mahkamah Ad-Hoc. Tujuan Mahkamah Ad-Hoc ini adalah untuk memantau dan menyelesaikan sebanyak 1,073 kes yang telah melebihi 16 bulan yang masih belum diselesaikan. MPM perlu menambah kapasiti sedia ada untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes yang diklasifikasikan sebagai kes tertunggak ini.

MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
23 FEBRUARI 2024